

Newspaper	Berita Harian
Date	8/11/2012

Syor skim bantu pesara polis, tentera

BH-8/11/12

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan kerajaan mewujudkan skim bantuan untuk pesara pasukan keselamatan yang sanggup bergadai nyawa mempertahankan negara.

Bekas Perdana Menteri berkata, kerajaan wajar memberikan perhatian kepada kumpulan itu termasuk pesara polis dan tentera kerana khidmat mereka perlu dikenang sepanjang masa.

“Mereka mempertahankan keamanan negara walaupun berdepan bahaya besar. Jadi, saya harap mereka dibantu kerajaan menerusi skim bantuan khusus supaya jasa kumpulan ini dikenang dalam cara yang lebih dirasai mereka,” katanya.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan Majlis Jasamu Dikenang Persatuan Kebajikan Bekas Anggota Skwad 69 Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dihadiri kira-kira 2,000 ahli persatuan dan keluarga mereka di PWTC, di sini malam tadi. Hadir sama, Presiden persatuan itu, Abdul Aziz Bakar.

Berkorban pertahan negara

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, dalam mempertahankan negara, anggota pasukan keselamatan seperti Skwad 69 banyak diserang musuh dan cedera sehingga ada yang hilang anggota badan, namun mereka tetap tabah, berani dan berjaya menewaskan komunis.

“Atas pengorbanan mereka, rakyat Malaysia dapat hidup aman. Ada pihak anggap keamanan negara ini berlaku secara semula jadi, tapi mereka lupa khidmat pasukan keselamatan terutama polis yang berani menentang jenayah dan keganasan.

“Sebab itu, negara kita aman dan tenteram,” katanya.